

**BRIEFING NOTE**

**YBRS TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING**

**UNTUK MESYUARAT PENUH**

**BIL 2/2020 PADA 4 MAC 2020**

## **1. MELESTARIKAN ALAM SEKITAR SEMPENA HARI LANDSKAP NEGARA**

DYMM Paduka Seri Sultan Perak bertitah agar semua pihak mengambil inisiatif serta tidak menangguhkan usaha dalam menangani isu perubahan iklim serta menjamin kelestarian alam sekitar. Prihatin akan isu pemanasan global dan perubahan iklim dihadapi dunia ketika ini, DYMM Paduka Seri Sultan Perak bertitah agar tindakan adaptasi dan tindakan mitigasi perlu dirintis dan dilaksanakan secara serius. “Keadaan bertambah meruncing dengan berlakunya pelbagai projek pembangunan yang melibatkan kawasan tanah gambut, pembalakan yang tidak terkawal, pembakaran berskala besar, arang batu, petroleum dan bahan bakar fosil. “Setiap minit tertangguhnya usaha menangani isu alam sekitar, meningkatkan ancaman terhadap kehidupan, kesihatan dan masa hadapan alam.” Titah baginda ketika merasmikan Hari Landskap Negara Perak Darul Ridzuan di Laman Budaya, pada semalam (3 Mac 2020).

Bermula daripada 633 pokok yang ditanam pada Januari 2020, disasarkan dapat mencecah angka 10,000 pokok di Kuala Kangsar, dan mencecah 100,000 pokok di seluruh negeri pada Januari tahun hadapan. Inisiatif penanaman pokok ini sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah (NTT) 2020 serta turut selari dengan Fokus Ke-5 agenda Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2020, iaitu “Tindakan Bersama Bagi Menangani Perubahan Iklim” atau Climate Change dan ke arah Perak Green Plan.

## **2. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN PENGHARGAAN PENCEN**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penghargaan Pencen 2019 akan diadakan pada 5 Mac 2020 bermula jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Taiping bagi menghargai dan meraikan para pesara seramai 20 orang yang telah menabur bakti untuk perkhidmatan awam khususnya MPT

serta 40 orang warga kerja MPT yang menunjukkan prestasi cemerlang dan memberikan sumbangan sepanjang tahun 2019.

Pemilihan calon bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dibuat berdasarkan beberapa kriteria seperti mempamerkan kualiti kerja yang cemerlang, memperlihatkan sahsiah terbaik dan mengeluarkan output kerja selaras ataupun melebihi ekspektasi majikan. Diharapkan agar semua warga kerja MPT berupaya untuk meneruskan “tradisi kecemerlangan” dalam apa jua tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan para pesara MPT tahun 2019.

### **3. PEMASANGAN KAMERA LITAR TERTUTUP MUDAH ALIH DITAPAK PELUPUSAN SAMPAH**

Persekitaran yang kotor boleh mengundang risiko penyakit dan ketidakselesaan bagi mata yang memandang dan hidung yang menghidu. Seringkali kedengaran keluhan masyarakat setempat

mengenai aktiviti pembuangan sampah secara haram di tapak Pasar Minggu Kamunting dan Kg Boyan, Taiping. Segelintir masyarakat yang melakukannya telah menyebabkan tapak pasar malam tersebut kelihatan amat menjijikan.

Oleh itu, bagi menangani isu ini, MPT telah mengambil langkah memasang kamera litar bertutup mudah alih (Portable CCTV) di tapak pembuangan sampah haram tersebut mulai 27 Februari 2020 selama 2 minggu untuk tempoh percubaan. Pemasangan Portable CCTV ini adalah bertujuan untuk memantau kegiatan yang tidak beretika di kalangan masyarakat khusus berkaitan pembuangan sampah. Selain itu, pemasangan Portable CCTV ini juga bertujuan untuk memantau perilaku penduduk setempat bagi tujuan keselamatan dan kesejahteraan mereka. Portable CCTV yang dipasang menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu menggunakan tenaga solar berbanding sistem konvensional yang kekal dan menggunakan tenaga elektrik.

#### **4. AGENDA MENJAGA KEBERSIHAN KAWASAN DI HUJUNG MINGGU BERSAMA KOMUNITI**

Aktiviti Plogging & Trash Challenge (PTC) dan Gotong Royong diteruskan setiap hujung minggu bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Bukan Kerajaan (NGO), pelajar-pelajar sekolah, sukarelawan dan penduduk setempat di beberapa kawasan seperti Jalan Berek, sekitar Taman Tasik Taiping, Matang, dan lain-lain.

Aktiviti-aktiviti seperti ini bukanlah semata-mata bertujuan untuk membersihkan kawasan yang dicemari dengan sampah, juga merupakan kaedah mendidik serta menyedarkan seluruh masyarakat tentang kepentingan menjaga persekitaran agar sentiasa bersih dan tidak dicemari dengan sampah. Mengurus sampah dengan betul adalah tanggungjawab setiap individu, terutama para peniaga yang menghasilkan jumlah sampah yang banyak dalam satu-satu masa.

## **5. ACARA LARIAN LONJAK NAMA TAIPING**

Kehijauan Taman Tasik Taiping yang berlatar belakang panorama Bukit Larut semakin mendapat tempat bagi warga sukan terutama acara larian melalui inisiatif MPT berkerjasama dengan penganjur bagi mengadakan pelbagai acara larian sepanjang tahun 2019 hingga 2020. Terbaru, Kejohanan TRR SPIN Run 2020 yang berlangsung pada 1 Mac 2020 di Padang Esplanade berjaya menarik minat 3,300 peserta dari dalam dan luar negara seperti Jepun, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina.

MPT menyokong penganjuran seumpama ini kerana ianya juga mendedahkan keunikan bangunan warisan yang berada di Bandar Taiping disamping mengerakkan industri pelancongan setempat. Pelbagai acara larian telah disusun hampir setiap bulan sepanjang tahun ini dan diharapkan ianya dapat melonjakkan lagi nama Taiping sebagai destinasi sukan pelancongan.